

Suara

Tanah Airku

SUARA BANDARAYA

JANUARI - FEBRUARI 1998

ISSN Q128 - 1194

Bagi Belanjawan 1998, DBKL menyediakan peruntukan sebanyak RM1,253.66 juta, iaitu sebanyak RM639.1 juta atau 51% untuk Belanjawan Mengurus dan RM614.56 juta atau 49% bagi Belanjawan Pembangunan. Belanjawan DBKL itu kurang sebanyak 7.9% berbanding Belanjawan tahun 1997 (RM1,360.86 juta). Pendapatan DBKL bagi tahun 1998 dijangka berjumlah RM851.32 juta, tidak termasuk bantuan langsung kerajaan persekutuan dan sumber-sumber lain.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff ketika membentangkan ucapan belanjawan DBKL tahun 1998 memberitahu, sebagai pihak berkuasa kerajaan tempatan DBKL mematuhi arahan kerajaan persekutuan untuk mengambil langkah berjimat cermat.

Dalam apa jua suasana ekonomi yang dihadapi sekarang, warga kota umumnya menuntut perkhidmatan perbandaran yang cekap, berkualiti dan menyeluruh. Justeru itu, untuk memastikan pengurusan

bandar sentiasa berada ditahap terbaik, maka sejumlah RM639.096 juta disediakan untuk pentadbiran am, menguruskan kerja-kerja pembersihan bandar, penyelenggaraan jalan kemudahan, kemudahan pengangkutan awam dan kerja-kerja awam yang lain. Sebanyak RM76.232 juta

DBKL Belanja RM1,253.66 Juta

Wan Abdullah Ghani

diperuntukkan bagi kerja-kerja pembersihan bandar jalan dan longkang, pemberian air, serta pusat-pusat penjaja. Sungguhpun perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisir pepejal telah diswastakan secara keseluruhan kepada Syarikat Alam Flora Sdn Bhd sejak 1 Januari 1997, namun DBKL masih bertanggungjawab mengawal selia dan memastikan supaya penyelenggaraan tapak pelupusan dan kutipan sampah, pembersihan jalan dan longkang, pembersihan

...tapak pasar dan pusat penjaja dijalankan secara sempurna dan memuaskan. Akibat daripada pembangunan yang pesat dan sikap tidak prihatin pihak tertentu yang menjalankan kerja-kerja pembinaan dan infrastruktur, menyebabkan keadaan jalan-jalan berlubang, sentiasa rosak dan kelihatan tidak kemas dan kotor. Pelbagai cara bagi menangani masalah tersebut akan terus dijalankan untuk menyelenggara, membaik pulih jalan-jalan, longkang-longkang dan persekitaran. Dalam hal ini, DBKL menyediakan peruntukan yang besar iaitu berjumlah RM60 juta daripada keseluruhan peruntukan RM114.735 juta bagi kerja-kerja awam.

Sebanyak RM77.9 juta disediakan bagi mengurus dan menyelenggara taman-taman awam, kompleks-kompleks sukan, perpustakaan serta lain-lain kemudahan. Peruntukan itu untuk menyelenggara, menyusun program dan aktiviti ria dan kebudayaan.

Sejumlah RM48.14 juta diperuntukkan untuk menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan perancangan dan kawalan, kebersihan, kesihatan, penjajaan, setinggan, lalu lintas, alam sekitar, premis-premis perniagaan dan tempat-tempat hiburan.

Bagi tujuan mengurus dan mengawal sektor penjaja lebih

samb. ke muka 48



Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.



Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan DBKL yang hadir ketika ucapan Belanjawan DBKL 1998.



Rencana Menarik
Suara Bandaraya

JANUARI - FEBRUARI 1998

- 1/48** DBKL Belanja RM1,253.66 Juta **2** Rencana Menarik
- 3** Suara Editor/Harapan Lebih Selesa **4** Hal-Hal Lain/Menobat Semangat Kejiranian **5** Semangat Sukan Komanwel **6/7** Prihatin Dengan Aduan Awam/Kartun **8** A Beautiful and Clean City **9** Asrama Belia Lebih Selesa
- 10/11** RM 240 Juta Untuk Jalan Raya **12/13** Utamakan Rumah Kos Rendah **14/15** Yew Teong Look, Tokoh Yang Disenangi **16/17** Ekspedisi Pulau Kapas **18/19** Pusat Hiburan Engkar Semakin Berkurangan
- 20/21** Berkhatan Beramai-ramai **22** Sudut Fatwa / Sajak Tazkirah **23** Minggu Kualiti **24/25** 330 Pekerja Cemerlang
- **26/27** Bangunan Lama Hadapi Cabaran **28/29** Kuala Lumpur 26 Tahun **30** Tingkatkan Imej **31** Sharuddin Jaguh Bowling
- 32/33** Rombongan Pelajar Lawat DBKL **34** Waspada Gejala Sosial **35** Zahkiah Bintang Serba Boleh **36/37** Menyelesaikan Masalah Dan Membuat Keputusan Satu Kajian Kes Di Tadika DBKL Changkat Tunku **38/39** Direktorat Nyata Unggul **40/41** Pembakaran Terbuka
- 42/43** DBKL Aspirasi Balasubramaniar **44/45** Ketelusan Dalam Pembangunan **46/47** Mount Pleasure Janjikan Suasana Tenteram

EDITORIAL

Penasihat:
Sanusi bin Samid
Editor:
Sariffuddin b Ibrahim
Sub. Editor
Wan Abdullah Wan Abd Ghani
Jurufoto:
Mubarak Mohd Atan
Abdul Rani Mohd Sohor
Md.Ismail Isnin
Nik Rozali Nik Othman

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya.

Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya,
Bahagian Hal Ehwal Awam,
Jabatan Pengurusan Organisasi,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur,
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
atau berhubung dengan
Encik Wan Abdullah Ghani.
Tel: 03-2916011 samb. 3855
Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat	-
Bangunan DBKL	- 2916011
Hot Line (24 Jam)	- 4231127
Unit Kecemasan 24 Jam (JP Bandar)	- 9843434
Skuad Penyelamat 24 Jam (DPenguatkuasaan)	- 4220033
Aduan Awam	- 2934531
Aduan JKAL	- 2915128
Aduan JPPerumahan	- 2912112
JPelesenan	- 2911686
JPPenjaja	- 2986177
DPenguatkuasaan	- 2621988
JPengangkutan Bandar	- 4231133
JPPerumahan	- 2910555
Bhg. Keb. & Sukan	- 2938166
B Ukur Bahan	- 2933344
Pej. Caw. Cheras	- 4417011
Pej. Caw. Damansara	- 9711889
Pej. Cawangan	- 7182277
Jln Kelang Lama	- 7826117
Pej. Caw. Kepong	- 6272900
Pej. Caw. Setapak	- 4211142

Harapan Lebih Selesa

DBKL telah mengambil tindakan sejak awal lagi bagi mengurangkan perbelanjaan semasa penyediaan peruntukan 1998. Lazimnya Perbelanjaan Pengurusan dan Pembangunan bertambah setiap tahun. Dalam Belanjawan 1998, perbelanjaan telah dikurangkan sebanyak 7.9% berbanding dengan Belanjawan tahun 1997.

Usaha mengekalkan keselesaan dan kualiti hidup wargakota akan terus dilaksanakan. Tumpuan sepertutnya bukan sahaja kepada kemajuan perbandaran secara fizikal tetapi penekanan harus diberikan juga kepada pembinaan jati diri dan sosio budaya. Walaupun perbelanjaan kali ini menunjukkan perbelanjaan yang berkurangan tetapi perkhidmatan perbandaran akan terus dijalankan dengan meningkatkan lagi kecekapan, produktiviti dan kualiti.

Langkah-langkah akan terus diambil bagi memberi keutamaan kepada penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam, pengindahan dan seni taman serta pemuliharaan alam sekitar Kuala Lumpur. Di samping itu penurusan pemungutan dan pelupusan sampah, penyelenggaraan taman awam dan pengindahan, langkah mengatasi banjir dan hakisan, pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam serta kualiti alam sekitar akan dianggani secara lebih kemas dan berkesan.

Dapatkan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan bagi menyokong usaha tersebut juga akan diperkuatkuarkan. Begitu juga program penyediaan perumahan awam kos rendah, penempatan semula setinggan, pembangunan ruang niaga bagi menempatkan semula penjaja dan peniaga kecil, pembangunan kampung tradisi serta kemajuan sosial akan terus dilaksanakan.

Selaras dengan arahan kerajaan bagi mengurangkan perbelanjaan pengurusan dan pembangunan, DBKL akan mengurangkan Belanjawan Mengurus dan Belanjawan Pembangunan sebanyak 18% daripada Belanjawan 1998 yang telah diluluskan.

Dalam hubungan ini ada baiknya warga kota bersama-sama mengatur langkah menyokong dan membantu kerajaan mengurangkan perbelanjaan. Warga kota, bersama-sama menjaga kebersihan, menjaga harta dan kemudahan awam yang disediakan serta sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang.

Kesedaran dan kerjasama semua pihak ke arah mencapai penjimatan sudah pasti membolehkan kita mengurangkan kos perbelanjaan perkhidmatan. Alangkah baiknya jika perbelanjaan bagi mengutip sampah yang dibuang merata-rata, membersihkan sungai dan longkang yang tersekat dan tersumbat serta penyelenggaraan jalan-jalan yang dirosakkan dapat dikurangkan. Seharusnya penjimatan itu boleh digunakan untuk lain-lain perkhidmatan serta projek pembangunan yang lebih bermanfaat kepada warga kota.

Dalam arus pembangunan pesat yang sedang berjalan, DBKL menyedari kesulitan dan ketidakselesaan yang timbul. Diharapkan keadaan ini akan menjadi lebih baik menjelang akhir tahun 1998.